

JENIS KES

Seksyen 99 Akta Tatacara *Mal* (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [Akta 585]

Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan *sulh* untuk menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian mengikut Hukum Syarak.

1. Tuntutan Ganti Rugi Pertunangan
2. Tuntutan Mut'ah
3. Tuntutan Harta Sepencarian
4. Tuntutan Nafkah Isteri
5. Tuntutan Nafkah Kepada Pihak Tak Upaya
6. Tuntutan Cagaran Nafkah
7. Tuntutan Nafkah Iddah
8. Tuntutan Mengubah Perintah Nafkah
9. Tuntutan Tunggakan Nafkah
10. Tuntutan Nafkah Anak
11. Tuntutan Mengubah Perintah Hak Jagaan Anak/ Nafkah Anak
12. Tuntutan Mengubah Perjanjian Hak Jagaan Anak/ Nafkah Anak
13. Tuntutan Hadhanah
14. Tuntutan Ganti Rugi Perkahwinan
15. Tuntutan Hak Tempat Tinggal
16. Tuntutan Perintah Supaya Suami Tinggal Bersama Semula
17. Tuntutan Isteri Kembali Taat
18. Tuntutan Mas Kahwin




SEKSYEN SULH

HUBUNGI KAMI

MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
NO 71, JALAN SRI HARTAMAS 1,
TAMAN SRI HARTAMAS, 50676 KUALA LUMPUR.
TEL: 03-6205 7000 FAX: 03-6205 7100 / 7300

MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
BANGUNAN ANNEXE, ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3, 62506 PUTRAJAYA
TEL: 03-8880 4500 FAX: 03-8880 4564

MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
JALAN TUN MUSTAPHA, 87000 LABUAN
TEL: 087-410 857 FAX: 087-410 855



www.mswp.gov.my



@Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP)



@MSWP_official

محكمة شرعية ولايقدر سكونتوان
MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN



SEKSYEN SULH



APA ITU MAJLIS SULH ?

- SYARIAH ASAS KEADILAN
- CEPAT. JIMAT. RAHSIA
- ALTERNATIVE DISPUTE RESOLUTION (ADR)
- SULH-MEDIASI

INFO SULH



MAKSUD SULH DARI SEGI BAHASA

Al-Sulh di dalam bahasa Arab bermaksud "menamatkan pertelingkaran" iaitu pendamaian.

Menurut istilah bermaksud suatu perjanjian yang dimeterai bagi menyelesaikan perselisihan atau pertikaian di antara pihak-pihak yang beragama Islam.

MAKSUD SULH DARI SEGI ISTILAH

Ad


FAKTOR KESUNGGUHAN PIHAK-PIHAK
Kedua-dua pihak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan tuntutan di luar mahkamah.

FAKTOR KESEDIAAN PIHAK-PIHAK
Kedua-dua pihak bersedia untuk berunding secara ikhlas dan terbuka, bukannya secara emosi atau mahu membalas dendam.

FAKTOR KESEDARAN PIHAK-PIHAK
Kedua-dua pihak sedar bahawa penyelesaian adalah bagi kepentingan pihak-pihak di masa hadapan.

FAKTOR PIHAK-PIHAK TAHU KESAN
Kedua-dua pihak sedar akan kesan jika kes dipanjangkan di hadapan hakim untuk perbicaraan penuh.

FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI MAJLIS SULH



FAKTOR KEUPAYAAN MEMBUAT KEPUTUSAN
Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada keupayaan untuk membuat sebarang keputusan.

FAKTOR KOMITMEN
Salah satu pihak atau kedua-duanya tidak memberi komitmen sepenuhnya semasa Majlis Sulh berlangsung.

FAKTOR PIHAK KETIGA
Salah satu pihak atau kedua-duanya dipengaruhi oleh pihak ketiga dalam membuat keputusan.

FAKTOR PENGETAHUAN
Salah satu pihak atau kedua-duanya tidak tahu hala tuju kes dan hak-hak pihak-pihak.

KELEBIHAN MAJLIS SULH

- A** Menjimatkan kos, masa dan komitmen pihak-pihak dan mahkamah.
- B** Perundingan adalah bersifat terpimpin berdasarkan undang-undang dan hukum Syarak serta tidak didominasi sebelah pihak.
- C** Perundingan melihat kepada kepentingan masa akan datang yang melibatkan hak-hak pihak-pihak tanpa menyalahkan pihak yang lain.
- D** Penyelesaian secara terbuka dan sukarela. Tiada unsur paksaan di antara pihak-pihak mahupun Pegawai Sulh.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG MENGENAI SULH

- 01** Seksyen 99 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [Akta 585]
- 02** Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]
- 03** Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004
- 04** Arahan Amalan JKSM yang berkaitan dengan Sulh
- 05** Manual Kerja Sulh, Mahkamah Syariah/ Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri seluruh Malaysia dan Kod Etika Pegawai Sulh
- 06** Arahan/Pekeliling Ketua Hakim Syarie MSWP

DALIL 01

AL-QURAN: SURAH AN-NISA' : 4 : 128

"Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya "nusyuz" (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik"

AL-QURAN

DALIL 02

AS-SUNNAH: KITAB SUBUL AS-SALAM

Hadis riwayat Imam At-Tarmizi yang bermaksud: "Perdamaian (Sulh) itu diharuskan (dalam urusan) di antara kaum Muslimin, kecuali sulh dalam hal mengharamkan sesuatu yang halal dan menghalalkan sesuatu yang haram"

AS-SUNNAH

DALIL 03

IJMA ULAMA (HADIS RIWAYAT IBN HIBBAN)

Para ulama sepakat perundangan sulh ini memandang kebanyakan kontrak ada faedahnya termasuklah menyelesaikan perselisihan dan pertelingkahan suami dan isteri

IJMA ULAMA



MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN

محكمة شرعية ولاية فيدرالية